

11 MAY 2000

Mahathir-Anwar

MASIH ADA ORANG YANG PERCAYA ANWAR DIPECAT SECARA TIDAK ADIL, KATA PM

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dibangkitkan dalam ucapannya pada perhimpunan agung Umno ke-54 hari ini kerana masih ada orang yang beranggapan bahawa bekas timbalan perdana menteri itu dipecat secara tidak adil.

Dr Mahathir berkata masih ada yang beranggapan bahawa insiden mata lebam Anwar telah dirancang kerajaan dan ini menimbulkan tanggapan bahawa Umno sebuah parti yang tidak adil dan saksama.

"Disebabkan itu ada anggota Umno yang menyokong pembangkang dan ini menyebabkan perpecahan di kalangan orang Melayu," katanya kepada pemberita pada sidang media hari pertama perhimpunan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya pucuk pimpinan Umno menganggap isu Anwar itu sudah lenyap selepas hampir dua tahun beliau dipecat tetapi didapati isu itu digunakan dengan berkesan oleh pembangkang semasa pilihan raya umum November tahun lepas.

"Ini terutamanya gambar mata lebam Anwar. Kita tidak dapat nafikan ada kesan cara pembangkang guna nasib Anwar, kita tidak boleh tutup buku yang perkara ini tidak berlaku...hakikatnya sesetengah orang masih lagi terpengaruh," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata mereka yang berpendapat bahawa Anwar telah dianiayai, dan marahkan beliau dan Umno, seharusnya berfikiran rasional dan adil.

"Rakyat yang marahkan saya dan Umno, sepatutnya berfikir, berlaku adil. Dengar kedua-dua pihak, serta tidak terlalu emosional atau berat sebelah kerana mereka fikir seorang individu telah dianiayai," katanya.

Pada sidang berita itu, Dr Mahathir berkata apa yang perlu dilakukan oleh parti ialah menjelaskan keadaan sebenar agar rakyat boleh percaya dan melihat bukti bahawa politik bukannya punca Anwar dipecat, tetapi kerana perwatakannya.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun atas tuduhan rasuah kerana campurtangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salahlaku seksual terhadapnya dan kini sedang dibicarakan atas tuduhan liwat.

-- BERNAMA

AR AZZ LAT